



**MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA TIDAK BERKOMPROMI KE ATAS
PEMALSUAN TUNTUTAN INSENTIF PENJANA KERJAYA**

1. Kementerian Sumber Manusia menyokong penuh usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sebuah agensi di bawah Kementerian, dalam menjalankan siasatan berhubung kes tuntutan palsu dan penyelewengan dana bagi **Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya)** membabitkan pihak majikan dan penyedia latihan di seluruh negara melalui **Ops Hire**.
2. *Ops Hire* yang telah dilaksanakan bermula 13 Julai 2022 ini adalah satu aktiviti yang perlu dilaksanakan dan KSM tidak akan berkompromi sama sekali memandangkan terdapat pelbagai pihak yang telah mengambil kesempatan ke atas inisiatif Kerajaan dengan melaksanakan penyelewangan dana dan tuntutan palsu.
3. Dana Penjana Kerjaya yang telah disalurkan kepada majikan adalah sebagai suatu inisiatif Kerajaan semasa tempoh pandemik Covid-19 yang bertujuan untuk membantu majikan dalam menggajikan pekerja yang menganggur dan membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Pihak – pihak yang telah membuat tuntutan palsu ini mesti dibawa ke muka pengadilan dan menerima hukuman yang setimpal.
4. Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), seramai 37 individu telah ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewangan dana insentif Program PenjanaKerjaya dan nilai keseluruhan dana adalah hampir **RM100 juta**. Pada masa yang sama,

PERKESO juga telah mengambil tindakan proaktif dengan menggantung bayaran Program PenjanaKerjaya. Tindakan penggantungan bayaran ini dibuat berdasarkan penganalisisan data dan pemantauan pengoperasian PenjanaKerjaya secara berterusan oleh PERKESO.

5. Sehingga kini, jumlah bayaran yang telah dibuat oleh PERKESO kepada para majikan dan pekerja di bawah Program PenjanaKerjaya adalah sebanyak **RM2.34 bilion**, membabitkan seramai **45,379 majikan** bagi menempatkan seramai **327,789** pencari kerja ke dalam pekerjaan.
6. Oleh itu, saya menyeru kepada para majikan dan penyedia latihan agar tidak sama sekali membuat salah laku atau tuntutan palsu kerana sumber kewangan yang disalurkan telah diagihkan untuk tujuan menyokong usaha – usaha penting Kerajaan demi memperkasakan pasaran buruh di Malaysia.
7. Kementerian sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang telah melaksanakan tuntutan palsu dan penyelewengan dana Kerajaan. Justeru, bagi mana-mana pihak majikan dan penyedia latihan yang telah membuat salah laku di dalam permohonan PenjanaKerjaya adalah digesa untuk tampil ke PERKESO dan membuat bayaran balik insentif tersebut bagi mengelakkan tindakan undang-undang yang lebih keras pada masa akan datang.

**DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
15 JULAI 2022**